MICHAEL CHEW YEW SHENG A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG B
YAACOB MD SAM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-192-2007]
24 FEBRUARY 2009

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 474 - Pemilikan kad kredit palsu - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Sama ada Hakim Sesyen gagal menimbangkan pembelaan perayu seperti yang diperlukan oleh s. 173(m) Kanun Tatacara Jenayah - Pengetahuan perayu ke atas kad kredit palsu milikannya - Sama ada perlakuan perayu fakta relevan di bawah s. 8(i) Akta Keterangan 1950 - Sama ada Chong Bee Chin saksi material yang boleh mengundang pemakaian s.114(g) Akta Keterangan 1950 - Sama ada kes pendakwaan terhadap perayu mengalami kecacatan - Pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan - Sama ada adanya sebab kukuh untuk mahkamah ini mengubah dapatan dan sabitan oleh Hakim Sesyen* C D E

Perayu telah disabitkan dengan tiga pertuduhan di bawah s. 474 Kanun Keseksaan dan dihukum dua tahun penjara dan denda RM2,000 bagi setiap pertuduhan oleh Hakim Sesyen. Hukuman penjaraan diperintahkan berjalan serentak. Perayu yang tidak berpuas hati terhadap sabitan dan hukuman tersebut membuat rayuan kepada mahkamah ini. Faktanya adalah pada 17 September 2007, sepasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil yang diketuai oleh SP2 telah membuat pemantauan peggunaan kad kredit palsu di Wisma TNB, Jalan Anson, Georgetown. Perayu dilihat memasuki kawasan lobi bangunan tersebut dengan seorang perempuan (Chong Bee Chin) yang telah menuju ke sebuah kaunter yang dikendalikan oleh SP1. Perayu dilihat menunggu di ruang legar lobi. SP2 terus ke kaunter tersebut apabila SP1 mengangkat tangan ke arahnya dan menangkap Chong Bee Chin yang sedang berurusan membayar bil elektrik dengan SP1. Perayu telah berlari ke arah pintu keluar diekori oleh SP4 yang dapat menangkapnya setelah berlaku pergelutan. Pemeriksaan ke atas perayu telah dibuat oleh SP2 di mana dalam poket belakang seluar 'Bermuda' yang dipakai oleh perayu, SP2 menjumpai satu dompet duit yang di dalamnya berisi tiga keping kad kredit. Seterusnya, perayu telah dituduh di mahkamah bagi pemilikan tiga keping kad F G H I

kredit palsu. Berdasarkan keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan, Hakim Sesyen telah mendapati semua intipati pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan yang mewujudkan satu kes *prima facie* ke atas perayu dan perayu diperintahkan membela diri ke atas ketiga-tiga pertuduhan. Intipati pertuduhan yang dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah (a) ketiga-tiga kad kredit adalah palsu dan berada dalam milikan tertuduh; (b) tertuduh ada pengetahuan bahawa kad-kad itu adalah palsu; (c) tertuduh berniat menggunakan kad-kad itu secara curang untuk menipu dan (d) dokumen tersebut adalah cagaran berharga. Perayu dalam pembelaannya mengatakan bahawa pada 16 September 2007 perayu telah datang ke Pulau Pinang kerana meraikan harijadi seorang teman. Keesokan harinya, perayu telah diajak oleh Chong Bee Chin pergi ke Wisma TNB dan sesampainya di bangunan tersebut, Chong Bee Chin telah menyerahkan satu dompet dan segulung kertas kepada perayu untuk disimpan. Perayu ada melihat di dalam dompet itu terselit kad-kad tetapi tidak tahu ianya adalah kad kredit. Hakim Sesyen setelah menimbangkan pembelaan perayu mendapati pembelaan perayu adalah rekaan dan gagal menimbulkan apa-apa keraguan. Hakim Sesyen menolak pembelaan perayu. Hujahan perayu semasa rayuan ini adalah terhadap isu-isu berikut (i); Hakim Sesyen gagal menimbangkan pembelaan perayu dengan betul seperti yang diperlukan oleh s. 173(m) Kanun Tatacara Jenayah apabila hanya menimbangkan pembelaan perayu tanpa melihat semula kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan apabila memutuskan pembelaan perayu sebagai rekaan dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah; (ii) Hakim Sesyen gagal membuat 'adverse inference' ke atas kes pendakwaan di atas kegagalan memanggil Chong Bee Chin sebagai saksi pendakwaan atau sebagai saksi 'rebuttal' (iii) Hakim membuat kritikan yang tidak mempunyai justifikasi tetapi lebih bersifat spekulasi ke atas pembelaan perayu; (iv) Hakim Sesyen membuat 'unfavourable inference' terhadap perayu dan (v) Hakim Sesyen gagal mempertimbangkan dengan betul beban pendakwaan di akhir kes pembelaan.

Diputuskan (menolak rayuan perayu; mengekalkan sabitan serta hukuman):

(1) Mahkamah ini tidak mendapati Hakim Bicara tersalah arah dirinya dari segi fakta dan undang-undang dalam memanggil tertuduh membela diri terhadap pertuduhan. Hakim Sesyen telah merekodkan alasan mengapa pembelaan diri dipanggil. Jika

tertuduh memilih untuk berdiam diri maka kes terhadapnya terbukti tanpa apa-apa keraguan yang munasabah dan sabitan hendaklah dibuat. (perenggan 19, 21, 24)

(2) Pembelaan tertuduh bahawa beliau tidak tahu kad-kad kredit itu palsu dan beliau dianiaya oleh Chong Bee Chin dan polis ditolak oleh mahkamah. Keterangan kad-kad kredit itu diberi oleh Chong Bee Chin ditolak oleh mahkamah kerana tidak credible. Perlakuan tertuduh menyimpan barang-barang tersebut adalah bercanggah dengan pernyataan beliau adalah seorang yang tidak bersalah. Sebaliknya dengan berada di pejabat TNB, menunggu Chong Bee Chin membayar bil letrik dengan kad kredit paslu dan bergelut dengan polis hanya boleh membawa kepada suatu kesimpulan sahaja iaitu tertuduh memang tahu kad-kad itu palsu, berniat untuk menggunakan sebagai tulen dan tahu beliau telah melakukan kesalahan. Seterusnya, keterangan perayu dalam percakapan beramaran (D22) perayu tidak ada menyebutkan tentang Chong Bee Chin mengeluarkan beg dan serah beg kepada perayu sedangkan pembelaan perayu mengatakan sedemikian. Mahkamah ini berpuas hati bahawa Hakim Sesyen telah menimbangkan setiap pembelaan perayu berdasarkan keterangan pembelaan diri dan percakapan D22 sebelum memutuskan pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah. Oleh itu Hakim Sesyen tidak memecahi tugas yang dikehendaki oleh s. 173(m)(i) Kanun Tatacara Jenayah. (perenggan 25, 28 & 34)

(3) Perlakuan perayu melarikan diri sebaik sahaja Chong Bee Chin ditangkap oleh SP2 adalah konsisten dengan pengetahuan perayu ke atas kad-kad yang ada dalam milikannya. Perlakuan perayu itu adalah fakta relevan di bawah s. 8(i) Akta Keterangan 1950. Penjelasan perayu bahawa perayu bergelut dengan SP4 kerana menyangkakan SP4 orang jahat yang ingin menangkapnya adalah bertentangan dengan keterangan. Perayu sebenarnya melarikan diri untuk keluar dari bangunan TNB apabila Chong Bee Chin ditangkap. Tiada sebab untuk perayu panik melarikan diri jika perayu tidak nampak Chong Bee Chin ditangkap atau tanpa mengetahui mengapa Chong Bee Chin ditangkap. Inferens yang lebih kukuh terhadap perlakuan itu ialah perayu tahu bahawa di dalam milikannya ada tiga kad kredit palsu. Hakim Sesyen telah membuat rumusan dan dapatan fakta yang tidak bertentangan dengan keterangan.

A Perayu oleh itu bukanlah pemilik yang 'innocent' mahu pun 'accidental victim'. Hakim Sesyen telah membuat jumpaan fakta berdasarkan keterangan ikut keadaan dan bukan merupakan satu 'adverse inference' yang bertentangan dengan keterangan dan kemunasabahan terhadap perayu. (perenggan 36 & 38)

B

(4) Chong Bee Chin bukanlah saksi yang material yang boleh mengundang pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ke atas kes pendakwaan di peringkat kes *prima facie* tersebut. Dengan keterangan yang ada, ketiadaan pihak pendakwaan C memanggil Chong Bee Chin tidak mencacatkan atau mewujudkan inferens yang tidak memihak kes pendakwaan. Oleh itu keterangan rebuttal tidak diperlukan. Kes pendakwaan terhadap perayu tidak mengalami kecacatan-kecacatan atau 'suppression or withholding of evidence' oleh pendakwaan. D Pendekatan yang diambil oleh Hakim Sesyen bukan satu salah arahan di sisi undang-undang atau fakta kerana apa yang diulas oleh Hakim Sesyen itu adalah dapatan analisa beliau ke atas keterangan pendakwaan dan pembelaan perayu dari sudut logic dan inferens terhadapnya. Dapatan oleh Hakim Sesyen E bahawa pembelaan perayu adalah rekaan tidak boleh juga disifatkan sebagai nyataan 'adverse inference' ke atas perayu kerana Hakim Sesyen tidak meletakkan beban yang melebihi daripada yang sepatutnya ke atas pembelaan. (perenggan 40, 41, 43, 44 & 45)

F

(5) Hakim Sesyen telah menimbangkan pembelaan perayu dan memutuskan pembelaan tersebut gagal menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan. Mahkamah ini berpendapat sabitan terhadap perayu adalah selamat dibuat. Tiada sebab yang kukuh untuk mahkamah ini mencampuri atau mengubah G dapatan dan sabitan oleh yang bijaksana Hakim Sesyen tersebut. (perenggan 47)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Yusoff v. Pendakwa Raya [1993] 4 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
H *AEG Carapiet v. AY Derderian AIR [1961] Cal 359* ***(dirujuk)***
Alcontara Ambross Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan King Yu v. PP [2009] 1 CLJ 601 FC ***(dirujuk)***
Chia Beow Huat v. PP [1970] 2 MLJ 29 ***(dirujuk)***
Hoo Chee Keong v. PP [2000] 1 CLJ 667 HC ***(dirujuk)***
I *Jaafar Ali v. PP [1999] 1 CLJ 410 HC* ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***

Mohd Hazrin Md Sari v. PP [2008] 5 CLJ 361 CA ***(dirujuk)***
Mohd Shamshir Md Rashid v. PP [2008] 6 CLJ 738 CA ***(dibezakan)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Teh Lee Tong v. R [1956] 22 MLJ 194 ***(dirujuk)***
Teng Howe Sing lwn. PP [2009] 1 LNS 36 ***(dirujuk)***
Wong Kim Leng v. PP [1996] 1 LNS 114 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 173(m)(i), 294
Evidence Act 1950, ss. 8(i), 114(g)
Penal Code, ss. 474

Bagi pihak perayu - Dev Kumaraendran; T/n Kumar & Co
Bagi pihak responden - Mohd Rehan Mohd Aris; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam PK:

[1] Perayu telah disabitkan dengan tiga pertuduhan di bawah s. 474 Kanun Keseksaan dan dihukum dua tahun penjara dan denda RM2,000 bagi setiap pertuduhan oleh Hakim Sesyen. Hukuman penjaraaan diperintahkan berjalan serentak. Perayu yang tidak berpuas hati terhadap sabitan dan hukuman tersebut membuat rayuan kepada mahkamah ini.

Pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 17 hb September 2004 jam lebih kurang 2.40 petang, diluar kaunter Tingkat 2, dalam Bangunan Wisma TNB Jalan Anson, dalam Daerah Timur Laut, dalam Negeri Pulau Pinang, didapati memiliki suratan cagaran berharga yang palsu iaitu sekeping kad kredit (Visa Gold) Maybank No. 4966 2300 3190 7865 atas nama Kenny Ong iaitu suratan dari jenis yang tersebut di dalam seksyen 467 Kanun Keseksaan, dengan pengetahuan yang suratan itu adalah palsu dan dengan maksud supaya suratan itu digunakan dengan curangnya sebagai tulin dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 17 hb September 2004 jam lebih kurang 2.40 petang, diluar kaunter Tingkat 2, dalam Bangunan Wisma TNB Jalan Anson, dalam Daerah Timur Laut, dalam Negeri Pulau Pinang, didapati memiliki suratan cagaran berharga yang palsu iaitu sekeping kad kredit (Visa Gold) Eon Bank No. 4028 1510 0021 4602 atas nama Kenny Ong iaitu suratan dari jenis yang tersebut di dalam seksyen 467 Kanun Keseksaan, dengan pengetahuan yang suratan itu adalah palsu dan dengan maksud supaya suratan itu digunakan dengan curangnya sebagai tulin dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 17 hb September 2004 jam lebih kurang 2.40 petang, diluar kaunter Tingkat 2, dalam Bangunan Wisma TNB Jalan Anson, dalam Daerah Timur Laut, dalam Negeri Pulau Pinang, didapati memiliki suratan cagaran berharga yang palsu iaitu sekeping kad kredit (Master Card Silver) Citibank No. 5402 5630 2002 5979 atas nama Jackson Kah iaitu suratan dari jenis yang tersebut di dalam seksyen 467 Kanun Keseksaan, dengan pengetahuan yang suratan itu adalah palsu dan dengan maksud supaya suratan itu digunakan dengan curangnya sebagai tulin dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan.

Fakta Kes Secara Ringkas

[2] Pada 17 September 2007 sepasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Bukit Aman yang diketuai oleh ASP Wooi Kooi Cheang (SP2) bersama dua anggotanya dan seorang pegawai Maybank telah membuat pemantauan penggunaan kad kredit palsu di Wisma TNB, Jalan Anson, Georgetown. Pada jam lebih kurang 2.20 petang SP2 melihat perayu memasuki kawasan lobi bangunan tersebut dengan seorang perempuan (yang kemudian dikenal pasti bernama Chong Bee Chin). SP2 melihat Chong Bee Chin menuju ke kaunter bayaran No. 5 di lobi WismaTNB itu. Kaunter tersebut ketika itu dikendalikan oleh Patma Nesan (SP1). Perayu pula dilihat menunggu di ruang legar lobi. Seketika kemudian SP2 nampak SP1 mengangkat tangan ke arah SP2. SP2 terus ke kaunter tersebut dan menangkap Chong Bee Chin yang sedang berurusan membayar bil elektrik dengan SP1. Apabila Chong Bee Chin ditangkap, perayu dilihat oleh SP4 (Sarjan Yusof) berlari ke arah pintu keluar dari bangunan Wisma TNB tersebut

dan diekori oleh SP4. SP4 dapat menangkap perayu setelah berlaku pergelutan dimana perayu terguling jatuh di tangga keluar bangunan Wisma TNB itu. Pemeriksaan ke atas perayu telah dibuat oleh SP2 dimana dalam poket belakang seluar 'Bermuda' yang dipakai oleh perayu, SP2 menjumpai satu dompet duit (eks. P10) yang di dalamnya berisi tiga keping kad kredit, iaitu masing-masingnya ialah Maybank Gold 4966 2300 3190 7865 (eks. P11); Citi Bank Classic 5402 5630 2002 5979 (eks. P12) dan EON Gold Card 4028 1510 0021 4602 (eks. P13). Di poket kiri seluar perayu pula SP2 menjumpai 13 keping bil elektrik atas pelbagai nama (eks. P14A-M). SP2 membuat rampasan ke atas tiga (3) kredit kad dan 13 keping bil-bil tersebut dan mencatatkan dalam borang bongkar (P17). Daripada pemeriksaan ke atas Chong Bee Chin pula, SP2 menjumpai dan merampas tiga (3) kad kredit palsu iaitu masing-masing satu kad kredit EON Bank (eks. P4), Southern Bank (eks. P8) dan Maybank (eks. P9). SP2 telah membuat laporan polis ke atas tangkapan dan rampasan (eks. P18).

[3] Perayu telah dituduh di mahkamah bagi pemilikan tiga keping kad kredit palsu seperti butiran yang disebutkan dalam pertuduhan-pertuduhan di atas.

[4] Chong Bee Chin pula dituduh bagi pemilikan tiga kad kredit palsu (P4, P8 dan P9) yang ditemui daripadanya, iaitu pertuduhan yang berasingan daripada perayu. Kedua-dua kes perayu dan Chong Bee Chin telah dibicarakan secara bersama tetapi setelah sepuluh orang saksi memberi keterangan Chong Bee Chin telah menukar pengakuan kepada mengaku bersalah ke atas pertuduhan terhadapnya. Pada 13 Mac 2007 Hakim Sesyen mensabitkan Chong Bee Chin dan menjatuhkan hukuman berikut:

(1) Ikat jamin di bawah s. 294 Kanun Acara Jenayah dengan seorang penjamin serta wang jaminan RM3,000 selama dua tahun – untuk pertuduhan pertama;

(2) Denda RM2,000 i/d 1 tahun penjara untuk pertuduhan kedua;

(3) Denda RM3000 i/d 1 tahun enam bulan penjara bagi pertuduhan ketiga.

Hukuman berjalan berturut-turut (ms 72 dan 73 rekod rayuan dan ms 60 rekod rayuan tambahan).

[5] Bagi pertuduhan kes yang melibatkan perayu, pihak pendakwaan telah memanggil seramai 12 orang saksi. SP2 dan SP4 adalah pegawai dan anggota yang menangkap perayu dan Chong Bee Chin. SP6, SP7, SP8, SP9 dan SP12 adalah saksi-saksi daripada bank-bank yang berkaitan yang memberi keterangan berkaitan data dan ciri-ciri kad kredit palsu yang dirampas itu.

[6] SP6 (Yap Tze Kien) yang bertugas di Unit Fraud Management and Authorisation EON Bank Kuala Lumpur telah membuat pemeriksaan ke atas kad kredit P13 dan mengesahkan ciri-ciri kad tersebut telah dipalsukan. SP6 mengesahkan pemegang sebenar akaun bagi kad tersebut adalah seorang bernama Choong Kong Yow beralamat di Kepong, Kuala Lumpur.

[7] Kad kredit P11 pula dibuat pemeriksaan oleh SP9 (Rosli) dan SP12 (Basil Paul). SP9 bertugas di Fraud Credit Card Maybank manakala SP12 bertugas di Visa International yang ibu pejabatnya terletak di Singapura. SP9 dan SP12 mengesahkan ciri-ciri kad kredit P11 telah dipalsukan dan P11 itu adalah kad kredit palsu. Pemilik sebenar akaun bagi kad ini ialah seorang bernama Ho Siew Har.

[8] Kad kredit P12 pula dibuat pemeriksaan oleh SP9 dan SP7. SP9 adalah saksi yang sama yang memeriksa kad kredit P11. Oleh kerana nombor rujukan digit awal P12 iaitu 5421240 adalah milik Maybank bagi Master Card maka SP9 memeriksanya dan mendapati kad P12 adalah kad kredit palsu. Pemegang sebenar akaun bagi nombor rujukan yang terdapat pada P12 berdasarkan nombor digit awal ialah seorang bernama Lee Meng Fai dan kad dari jenis Master Visa.

[9] SP12 (Gurunam Singh) bertugas sebagai Assistant Vice President Citi Bank Berhad, Kuala Lumpur. SP12 telah memeriksa P12 kerana P12 dicetak di atas jenama Citibank Classic. SP12 mengesahkan kad kredit P12 adalah kad kredit palsu. Pemegang akaun sebenar bagi nombor rujukan yang terdapat di P12 ialah seorang bernama Rozita Abdul Hafiz yang beralamat di Ampang, Selangor.

[10] Ketiga-tiga kad kredit tersebut disahkan oleh saksi-saksi terlibat sebagai masih mempunyai tarikh sah laku. P11 sah sehingga Disember 2005, P12 sah sehingga Mei 2005, P13 sah sehingga 31 Januari 2005 (ms 69, 59 dan 52 rekod rayuan).

[11] Berpandukan kepada keputusan kes *Wong Kim Leng v. Public Prosecutor* [1996] 1 LNS 114 adalah tidak diragui untuk keterangan SP6, SP7, SP9 dan SP12 tersebut layak diterima masuk sebagai keterangan terhadap eks. P11, P12 dan P13 sebagai kad-kad kredit palsu.

[12] Berdasarkan kepada keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan, hakim sesyen telah mendapati semua intipati pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan yang mewujudkan satu kes *prima facie* ke atas perayu dan perayu diperintahkan membela diri ke atas ketiga-tiga pertuduhan (ms 95-96 dan 124 rekod rayuan). Intipati pertuduhan yang perlu dan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah: (a) ketiga-tiga kad kredit P11, P12 dan P13 adalah palsu dan berada dalam milikan tertuduh; (b) tertuduh ada pengetahuan bahawa kad-kad itu adalah palsu; (c) tertuduh berniat menggunakan kad-kad itu secara curang untuk menipu; dan (d) dokumen tersebut adalah cagaran berharga (ms 122 rekod rayuan).

Pembelaan perayu

[13] Perayu dalam pembelaannya mengatakan pada 16 September 2007 perayu yang tinggal di Serdang, Kedah telah datang ke Pulau Pinang kerana meraikan harijadi teman lelaki Stephanie Chong Bee Chin bernama Jackson Chin Leong. Semasa majlis meraikan itu, baju dan seluar perayu telah terkena muntah kawan perayu bernama Ah Leong. Perayu telah menukar pakaian dengan memakai pakaian Jackson. Keesokan hari (17 September 2007) perayu telah diajak oleh Chong Bee Chin pergi ke Wisma TNB. Sampai di Wisma TNB Chong Bee Chin telah menyerahkan satu dompet (P10) dan segulung kertas kepada perayu untuk disimpan. Perayu tidak tahu gulungan kertas itu adalah bil-bil elektrik. Perayu ada melihat di dalam dompet itu terselit kad-kad tetapi tidak tahu ianya adalah kad kredit. Perayu menyimpan dompet tersebut ke dalam poket seluar di bahagian belakang dan gulungan kertas di poket hadapan seluar.

Dapatan Hakim Sesyen

[14] Hakim sesyen setelah menimbangkan pembelaan perayu mendapati pembelaan perayu adalah rekaan dan gagal menimbulkan apa-apa keraguan. Hakim sesyen berpendapat tidak munasabah untuk Chong Bee Chin dan polis menganiaya perayu. Dari Chong Bee Chin juga ada dijumpai dompet dan kad kredit dan oleh itu

A tidak munasabah bagi Chong Bee Chin mempunyai dua dompet dan menyerahkan dompet yang berisi tiga kad kredit bersama 13 bil elektrik untuk disimpan oleh perayu. Hakim sesyen berpendapat tiga kad kredit yang dijumpai dari perayu dengan mudah boleh disimpan oleh Chong Bee Chin sendiri. Hakim sesyen juga telah
B menimbangkan percakapan beramaran perayu di D22 dan menolak pembelaan perayu. Alasannya kehadiran perayu di bangunan TNB dan pergelutan antara perayu dan polis apabila perayu hendak melarikan diri dari bangunan Wisma TNB itu adalah relevan dalam menunjukan pengetahuan perayu terhadap kad kredit palsu yang
C ada padanya (ms 124-126 rekod rayuan).

Isu-isu Dalam Rayuan Ini

[15] Hujahan peguam yang bijaksana yang mewakili perayu semasa
D rayuan ini adalah terhadap lima isu berikut yang juga dizahirkan dalam petisyen rayuan perayu:

(a) hakim sesyen gagal menimbangkan pembelaan perayu dengan betul seperti yang diperlukan oleh s. 173(m) Kanun Tatacara Jenayah apabila hanya menimbangkan pembelaan perayu tanpa
E melihat semula kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan apabila memutuskan pembelaan perayu sebagai rekaan dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah;

(b) hakim sesyen gagal membuat 'adverse inference' ke atas kes
F pendakwaan di atas kegagalan memanggil Chong Bee Chin sebagai saksi pendakwaan atau sebagai saksi 'rebuttal' walau pun percakapan beramaran perayu (D22) telah dikemukakan dan di dalam posessi pendakwaan sejak awal;

G (c) hakim membuat kritikan yang tidak mempunyai justikasi tetapi lebih bersifat spekulasi ke atas pembelaan perayu;

(d) hakim sesyen membuat 'unfavourable inference' terhadap perayu;

H (e) hakim sesyen gagal mempertimbangkan dengan betul beban pendakwaan di akhir kes pembelaan.

Isu Kegagalan Memanggil Chong Bee Chin Sebagai Saksi Pendakwaan

I **[16]** Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa Chong Bee Chin adalah saksi material dan kegagalan pihak pendakwa memanggil Chong Bee Chin baik di peringkat kes pendakwaan atau

sebagai saksi rebuttal di peringkat pembelaan akan mengundang pemakaian 'adverse inference' terhadap kes pendakwaan. Dengan kata lain peguam mengatakan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 hendaklah terpakai ke atas kes pendakwaan.

Alasan peguam perayu menghujahkan sedemikian ialah:

(a) Chong Bee Chin ditangkap bersama perayu di tempat kejadian;

(b) Chong Bee Chin dituduh bersama perayu;

(c) Percakapan beramaran perayu (D22) mengatakan tiga kad kredit tersebut diserahkan oleh Chong Bee Chin kepada perayu;

(d) Dengan pengemukaan D22 semasa kes pendakwaan, pembelaan telah menamakan Chong Bee Chin maka pihak pendakwaan telah mendapat notis tentang pentingnya Chong Bee Chin untuk dipanggil sebagai saksi;

(e) Pembelaan diri perayu ialah kad kredit tersebut (P11, P12 dan P13) bersama bil-bil elektrik (P14A-M) diserahkan oleh Chong Bee Chin kepada perayu di Wisma TNB dan perayu tidak tahu ianya adalah kad kredit dan bil-bil elektrik;

(f) Chong Bee Chin adalah saksi penting yang dapat memberitahu apa yang berlaku di Wisma TNB tersebut;

(g) Pendakwaan sekurang-kurangnya perlu memanggil Chong Bee Chin bagi rebuttal ke atas keterangan perayu.

[17] Peguam merujuk kepada kes *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649 dan kes *Alcontara Ambross Anthony v. Public Prosecutor* [1996] 1 CLJ 705 bagi menjadi otoriti hujahannya dalam isu 'adverse inference' dan pembelaan yang telah ditimbulkan dalam percakapan beramaran (D22) yang perlu diiktiraf sebagai notis kepada pihak pendakwaan.

Dalam kes *Chia Leong Foo (supra)* YA Augustine Paul J (ketika itu) mengatakan di ms 679:

> The presumption arising under s. 114(g) is one of fact. It can therefore be raised at the end of the whole case. This is logical as the legal burden to prove the case is on the prosecution till the conclusion of the case. It is at the conclusion of the trial that the court will consider all the evidence adduced before it and decide whether the prosecution has proved its case beyond

A reasonable doubt. The exercise will necessarily entail a consideration of whether the defence advanced, where reasonable, have been negated by the prosecution. This can only be done by an evaluation of the evidence of witnesses who have been called by the prosecution and evidence which could have been adduced but was not. The exercise may reveal that the evidence of a witness not called, though not material at the close of the case for the prosecution, has turned out to be crucial in the light of the defence presented. The absence of the evidence of that witness on record at that stage may lead to the inference that if he had been called to testify by the prosecution in the course of its case his testimony would have been unfavourable within the meaning of s. 114(g). It cannot be argued that the burden would be on the accused to call Yee Chin Koon as a witness. There is no duty upon the accused to call any evidence. He is at liberty to offer evidence or not as he thinks proper and no adverse inference unfavourable to him can be drawn because he adopts one course rather than the other (see *Goh Ah Yew v. PP* [1949] MLJ 150; *Abu Bakar v. R* [1963] MLJ 288; *Tan Foo Su v. PP* [1967] 2 MLJ 19).

[18] Dalam kes *Chia Leong Foo (supra)* hakim menerima keterangan dua saksi polis (PW4 dan PW6) yang melihat tertuduh membuangkan beg plastik putih yang mengandungi dadah setelah motosikal yang ditunggangnya dikejar. Yee Chin Koon adalah penumpang motosikal dan tidak dituduh. Pihak pembelaan mengatakan kepada saksi PW4 dan PW6 bahawa beg itu dipegang oleh Yee Chin Koon dan bukan tertuduh. YA Hakim memutuskan di ms 674:

What, however, is critical is that where the prosecution has proved its case it is no part of its function to call witnesses in order to discharge the evidential burden on the accused (see *Seneviratne v. R* [1936] 3 All ER 36; *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* (No 3) [1999] 2 MLJ 1. In this case I have found that the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused. This means that the prosecution has led sufficient evidence to unfold the narrative of its case. Thus a failure to call Yee Chin Koon as a witness or make him available to the defence is not fatal at this stage.

Dalam kes tersebut tertuduh telah memanggil dua saksi lain iaitu DW2 dan DW3 bagi menyokong keterangan pembelaannya bahawa beg plastik yang mengandungi dadah tersebut adalah milik Yee Chin Koon yang datang ke rumah tertuduh. Kedua-dua saksi

tersebut memberi keterangan yang serupa dengan penjelasan tertuduh tersebut. Di akhir kes pembelaan YA Hakim memutuskan di ms 684:

> Upon a consideration of the whole of evidence adduced I am satisfied that the defence had raised a reasonable doubt in the prosecution case. The doubt could have been resolved if prosecution had called Yee Chin Koon as a witness or, alternatively, in the absence of him being traced, by tendering in evidence the police statement that he had made. As the defence of the accused was suggested to the witnesses for the prosecution in the course of its case it ought to have adduced the evidence of Yee Chin Koon to rebut the suggestions at that stage.

[19] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan walau pun pihak pendakwaan tidak memanggil Chong Bee Chin kes pendakwaan terhadap perayu telah dibuktikan tanpa apa-apa keraguan yang munasabah. Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan Chong Bee Chin ditangkap kerana memiliki tiga keping kad kredit palsu yang berasingan daripada tiga keping yang dirampas daripada perayu. Chong Bee Chin telah dituduh ke atas pemilikan tiga keping kad tersebut (P4, P8 dan P9) dan mengaku bersalah ke atasnya.

[20] Penelitian ke atas rekod rayuan oleh mahkamah ini menunjukkan kes Chong Bee Chin didaftarkan sebagai Kes Tangkap No. 62(74)94-04. Kes terhadap perayu didaftarkan sebagai Kes Tangkap No. 62(74)93-04. Pada 22 Februari 2005 semasa perbicaraan bermula pihak pendakwaan telah memohon perbicaraan bersama dibuat dan tiada bantahan oleh pihak pembelaan dan mahkamah membenarkannya (ms 20 rekod rayuan). Hujahan peguam bahawa Chong Bee Chin dituduh bersama perayu adalah tidak tepat. Kes terhadap perayu dituduh secara berasingan tetapi dibicarakan secara bersama dengan kes Chong Bee Chin.

[21] Timbalan Pendakwa Raya juga menghujahkan kesalahan pemilikan oleh pengadu adalah berasingan dan menjadi kesalahan yang lengkap dan tidak perlu bergantung kepada keterangan Chong Bee Chin. Oleh yang demikian tiada kesenjangan (gap) atau 'supression or withholding of evidence' yang tidak memihak pendakwaan sebagai telah dilakukan. Dengan itu Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan tiada 'adverse inference' yang mewajarkan untuk terpakai terhadap kes pendakwaan. Timbalan

A Pendakwa Raya merujuk kepada kes *Mohd Shamshir Md. Rashid v. PP* [2008] 6 CLJ 738; *Teh Lee Tong v. R* [1956] 22 MLJ 194 dan *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 bagi menyokong hujahannya.

B **[22]** Walau bagaimana pun mahkamah ini berpendapat kes *Mohd Shamshir Md Rashid (supra)* yang dirujukkan oleh Timbalan Pendakwa Raya boleh dibezakan dari kes rayuan ini. Dalam kes tersebut kedua-dua penama yang iaitu Aman dan Zubir yang tidak dipanggil semasa kes pendakwaan telah ditawarkan kepada pihak C pembelaan dan pihak pembelaan memilih tidak memerlukan mereka. Percakapan beramaran tertuduh dalam kes tersebut yang mengaku terhadap dadah yang dijumpai dari poket seluar dan dalam beg di bawah kerusi kereta telah diterima masuk sebagai keterangan pendakwaan dan menguatkan lagi kes pendakwaan. Tiada D pengataan di dalam percakapan beramaran tersebut yang mengaitkan dadah di dalam beg itu dengan Aman atau Zubir. Pembelaan juga dalam kes tersebut tidak pernah mencadangkan semasa kes di peringkat pendakwaan bahawa dadah di dalam beg adalah milik Aman sehingga pertama kali ditimbulkan oleh tertuduh E tersebut semasa pembelaan dirinya. Oleh yang demikian Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut bersetuju dengan hakim bicara bahawa s. 114(g) tidak terpakai ke atas kes pendakwaan.

[23] Dalam kes *Chia Leong Foo (supra)* yang dirujukkan oleh F peguam, isu yang terlibat ialah sama ada beg plastik yang mengandungi dadah dicampakkan oleh tertuduh atau Yee Chin Koon. Pembelaan tertuduh itu ialah beg tersebut milik Yee Chin Koon dan tertuduh memanggil dua saksi (DW2 dan DW3) bagi menyokong pembelaannya itu. Keterangan juga menunjukkan Yee G Chin Koon cuba melarikan diri sebaik motosikal yang ditunggang oleh tertuduh jatuh apabila dikejar oleh SP4 dan SP6. Isu yang terlibat juga ialah sama ada beg plastik tersebut ada di dalam raga motosikal atau berada di atas riba Yee Chin Koon semasa SP4 dan SP6 mula-mula melihat motosikal tertuduh. Dalam kes rayuan di mahkamah ini isu yang berbangkit ialah sama ada tiga kad kredit H itu dimiliki oleh perayu atau sama ada perayu hanyalah seorang penyimpan yang 'innocent'.

[24] Berpandukan kepada prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes *Chia Leong Foo (supra)* dan kes *Mohd Shamshir Md* I *Rashid (supra)* serta kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734, mahkamah ini tidak mendapati hakim bicara tersalah arah dirinya dari segi fakta dan undang-undang dalam memanggil

tertuduh membela diri terhadap pertuduhan. Hakim Sesyen telah merekodkan alasan mengapa pembelaan diri dipanggil (muka surat 95-96 rekod rayuan). Jika tertuduh memilih untuk berdiam diri maka kes terhadapnya terbukti tanpa apa-apa keraguan yang munasabah dan sabitan hendaklah dibuat (*Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457).

Adakah Hakim Sesyen Gagal Mematuhi s. 173(m)(i)

[25] Perayu dalam kes rayuan ini mengemukakan pembelaan diri secara bersumpah dari kandang saksi. Elok diturunkan sepenuhnya penghakiman hakim bicara dalam pertimbangan dan keputusannya ke atas pembelaan perayu itu (ms 124-126 rekod rayuan):

> Tertuduh kata, sehari sebelum kejadian, beliau datang ke Pulau Pinang kerana meraikan harijadi teman lelaki Chong Bee Chin yang bernama Jackson Chin Leong. Semasa majlis tersebut, baju dan seluar beliau terkena muntah kawan beliau yang bernama Ah Leong. Beliau menukar pakaian memakai pakaian Jackson. Keesokan harinya, beliau di ajak oleh Chong Bee Chin pergi ke Wisma TNB. Sampai di TNB, Chong Bee Chin mengeluarkan dompet (P10) dan satu gulung kertas dan menyerahkan kepada tertuduh untuk disimpan. Tertuduh kata dia tidak tahu gulungan kertas adalah bil letrik. Beliau juga tidak tengok dan tidak tahu kad-kad yang diserahkan adalah kad kredit. Tetapi beliau simpan kad-kad kredit di poket belakang seluar dan bil eletrik di poket hadapan. Dalam percakapan amaran (D22) tidak disebut bahawa:
>
> 1. Chong Bee Chin yang beri dompet kepada beliau,
>
> 2. Beliau menukar pakaian.
>
> Setelah melihat dan mendengar tertuduh memberi keterangan, rumusan berikut dibuat. Pembelaan tertuduh bahawa beliau tidak tahu kad-kad kredit itu palsu dan beliau dianiaya oleh Chong Bee Chin dan polis ditolak oleh mahkamah. Keterangan menunjukkan beg duit Chong Bee Chin juga dirampas. Maknanya, Chong Bee Chin diri sendiri boleh simpan13 bil letrik dan 3 kad kredit dalam beg duitnya sendiri. Tidak perlu serahkan kepada tertuduh untuk disimpan. Jika betul pun Chong Bee Chin menyerahkan barang-barang tersebut, tertuduh boleh memulangkan kepada Chong Bee Chin untuk disimpan sendiri.
>
> Keterangan kad-kad kredit itu diberi oleh Chong Bee Chin ditolak oleh mahkamah kerana tidak credible. Perlakuan tertuduh menyimpan barang-barang tersebut adalah bercanggah dengan pernyataan beliau adalah seorang yang tidak bersalah.

A Sebaliknya dengan berada di pejabat TNB, menunggu Chong Bee Chin membayar bil letrik dengan kad kredit palsu dan bergelut dengan polis hanya boleh membawa kepada suatu kesimpulan sahaja iaitu tertuduh memang tahu kad-kad itu palsu, berniat untuk menggunakan sebagai tulen dan tahu beliau telah melakukan kesalahan. Pembelaan adalah rekaan dan tidak menimbulkan apa-
B apa keraguan munasabah serta ditolak oleh mahkamah.

[26] Dalam mempertimbangkan hujahan pembelaan ke atas pendedahan yang dibuat oleh perayu di dalam percakapan beramarannya, mahkamah ini ingin merujuk kepada kes *Chan King*
C *Yu v. PP* [2009] 1 CLJ 601 yang diputuskan pada 14 November 2008. YA Zulkefli Ahmad Makinudin FCJ di ms 639 penghakiman beliau mengatakan:

As regards to the material particulars relating to the existence of
D Man Chai which had been disclosed by the appellant in his cautioned statement Exhibit D29 which was made on the day after his arrest, I am of the view that the police had all the time to check as to their veracity. The burden was on the prosecution to check whether the appellant's version of the facts as they appeared in the cautioned statement was true or false. The onus was upon
E the prosecution to disprove this important part of the appellant's version of facts. The appellant was under no duty to put to the investigating officer the aforesaid material particulars in view of their prior disclosure in the cautioned statement (see the case of *Alcontara Ambross Anthony v. Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209
F FC.)

[27] Di dalam kes rayuan ini perayu memberikan percakapan beramarannya di D22 pada 21 September 2007 iaitu empat hari selepas ditangkap. Mahkamah ini menurunkan secara penuh percakapan beramaran perayu tersebut bagi kemudahan rujukan:

G

Pada 17.9.2007 saya teman kawan perempuan nama Ah Ching pergi Jalan Anson Pulau Pinang. Bila sampai di Anson Road Ah Ching serah kepada saya bil elektrik dan 3 keping Kad Kredit kepada saya dan masuk kedalam bangunan TNB. Dia suruh saya
H tunggu diluar. Lebih kurang dua puluh minit saya tunggu Ah Ching dua tiga orang, cina dan melayu datang dan tahan saya. Satu orang dari mereka keluar kad dan cakap Polis. Mereka periksa saya dan rampas kad kredit dan bil elektrik daripada saya. Saya dibawa ke pejabat polis dan ditahan.

I

[28] Di dalam D22 perayu mengatakan Chong Bee Chin serahkan tiga kad kredit dan bil eletrik kepada perayu semasa tiba di Jalan Anson dan meminta perayu menunggu di luar. Semasa pembelaan diri perayu mengatakan apabila sampai TNB, Chong Bee Chin keluarkan satu beg dan satu gulung kertas seperti resit dan serah kepada perayu untuk perayu simpan. Pembelaan perayu tersebut walau pun terdapat sedikit perbezaan tetapi selari dengan kandungan D22 bahawa kad dan bil-bil diserah kepadanya oleh Chong Bee Chin untuk disimpan. Walau bagaimana pun D22 tersebut tidak pernah dirujukkan oleh peguambela kepada perayu semasa pembelaan diri perayu mahu pun semasa pemeriksaan semula perayu. Rujukan kepada D22 hanya dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya dalam mencabar keterangan pembelaan perayu. Timbalan Pendakwa Raya membuat cabaran ke atas perayu bahawa perayu mengambil masa empat hari sebelum memberikan percakapan beramarannya dan dengan itu ada masa untuk mereka percakapan perayu. Tiada penjelasan oleh pihak pembelaan tentang kelewatan memberi percakapan beramaran tersebut. Mahkamah ini menyedari bahawa di bawah undang-undang perayu berhak untuk tidak memberi apa-apa percakapan tetapi apabila perayu memilih memberi percakapan yang memihak dirinya dan menggunakannya sebagai keterangan, maka suatu penjelasan perlu diberikan tentang mengapa kelewatan tersebut berlaku untuk nilai berat percakapannnya diberikan pertimbangan yang tinggi. Timbalan Pendakwa Raya juga mencabar keterangan perayu bahawa dalam percakapan beramaran (D22) perayu tidak ada menyebutkan tentang Chong Bee Chin mengeluarkan beg dan serah beg kepada perayu sedangkan pembelaan perayu mengatakan sedemikian. Hakim sesyen juga ada merujuk kepada percanggahan tersebut semasa menimbangkan D22 yang dikemukakan semasa kes diperingkat pendakwaan dan pembelaan diri perayu (ms 125 rekod rayuan).

[29] Di peringkat pendakwaan kes, D22 juga telah dirujukkan oleh pihak pembelaan kepada SP11 (Sjn. 98711 Mohamad Yusof) iaitu pegawai penyiasat (ms 83 baris C-E rekod rayuan) bahawa tiga kad kredit tersebut diberi oleh Chong Bee Chin kepada perayu. SP11 mengatakan seperti berikut:

> Selepas dapat percakapan amaran, saya jalankan siasatan. Saya ada tanya OKT2 mengenai kandungan percakapan amaran OKT.
>
> Put: OKT2 mengaku OKT1 tidak tahu apa-apa tentang kad.
>
> A: OKT2 tak beritahu.

A Put: OKT2 (Chong Bee Chin) telah mengaku dia telah beri kad-kad itu kepada OKT1

A: Ikut percakapan OKT2, memang dia cakap macam itu. Tapi tidak direkodkan.

B **[30]** SP2, SP4 dan SP9 adalah tiga orang saksi pendakwaan yang berada di Wisma TNB dan terlibat dalam pemerhatian dan tangkapan perayu dan Chong Bee Chin. SP2 melihat perayu dan Chong Bee Chin memasuki lobi bangunan TNB secara bersama dan Chong Bee Chin dilihat terus ke kaunter No. 5 yang C dikendalikan oleh SP1, manakala perayu berada di lobi. Perayu berada di lobi tersebut lebih kurang 20 minit dan pada ketika itu pemerhatian oleh SP2, SP4 dan SP9 telah bermula. Sebelum perayu sampai SP2 dan SP4 telah mentaklimatkan SP1 bagi memberi isyarat kepada mereka jika ada pembayar yang disyaki D menggunakan kad kredit palsu bagi membayar bil-bil elektrik. Chong Bee Chin bersama tiga kad kredit palsu boleh disifatkan ditangkap 'red handed'.

[31] Dalam kes *Chia Beow Huat v. Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ E 29 Sharma J di ms 32-33 telah merujuk kepada pengataan yang diputuskan dalam kes *A.E.G. Carapiet v. A.Y. Derderian* AIR [1961] Cal. 359 yang memetik penghakiman Mukarji J yang mengatakan:

> The law is clear on the subject. Whenever the opponent has declined to avail himself of the opportunity to put his essential and F material case in cross-examination, it must follow that he believed that the testimony given could not be disputed at all. It is wrong to think that this is merely a technical rule of evidence. It is a rule of essential justice. It serves to prevent surprise at trial and miscarriage of justice, because it gives notice to the other side of G the actual case that is going to be made when the turn of the party on whose behalf the croos-examination is being made comes to give and lead evidence by producing witnesses. It has been stated on high authority of the House of Lords that this much of *counsel is bound to do when cross-examining that he must put to each of his opponent's witnesses in turn, so much of his own case as concerns that* H *the particular witness or in which that witness had any share.* If he ask no question with regard to this, then he must be taken to accept the plaintiff's account in its entirety. Such failure leads to miscarriage of justice, first by springing surprise upon the party when he has finished the evidence of his witnesses and he was I no further chance to meet the new case made which was never put and secondly, because such subsequent testimony has no chance of being tested and corroborated. (emphasis added)

[32] Berdasarkan kepada prinsip yang disebutkan dalam kes Cheah Beow Huat itu, pembelaan sewajarnya mencabar dan meletakkan kes pembelaan berkaitan P10 dan tiga kad kredit serta P14A-M tersebut kepada SP2, SP4 atau SP9 kerana saksi-saksi tersebut berkait dengan fakta kejadian berbanding dengan SP10 yang tidak ada di tempat kejadian semasa kejadian berlaku. Walau bagaimana pun kegagalan membuat cabaran tersebut tidak bermakna kes pembelaan tidak boleh diberikan penilaian yang berat kerana pembelaan telah mengemukakan D22 melalui SP10. Oleh itu keterangan pembelaan hendaklah dilihat dari sudut D22 dan pembelaan diri perayu untuk dinilai dengan kes pendakwaan. Di masa yang sama isu kredibiliti keterangan adalah penting untuk dipertimbangkan dan dibuat dapatan.

[33] Mahkamah ini mendapati ketiga-tiga kad kredit yang Chong Bee Chin dituduh (P4, P8 dan P9) adalah di cetak di atas nama Stephanie Chong. Tiga kad kredit yang dirampas daripada perayu pula di cetak masing-masing di atas nama Kenny Ong (P11 dan P12) dan Jackson Kah (P13). P11, P12 dan P13 adalah nama-nama lelaki sedangkan P4, P8 dan P9 adalah nama perempuan. Dari sudut logik dan kemunasabahan untuk apa Chong Bee Chin (f) perlu menyimpan P10 dan tiga kad kredit atas nama pemilik lelaki padanya sebelum menyerahkannya kepada perayu untuk disimpan. Pastinya Chong Bee Chin tidak akan dapat menggunakan P11, P12 dan P12 kerana jantina pemegang dengan mudah boleh dikesan berdasarkan nama di kad tersebut. Kad-kad juga bukan dari jenis 'supplementary' yang dikeluarkan bagi kegunaan bersama orang lain selain dari pemiliknya. Walau pun perayu di dalam keterangannya mengatakan seluar yang dipakainya adalah milik rakan Chong Bee Chin bernama Jackson Chin Leong tetapi tidak pula dicadangkan oleh pembelaan bahawa dompet P10 itu dan tiga kad kredit di dalamnya serta P14A-M adalah milik Jackson Chin Leong. Walau bagaimana pun seperti yang dinyatakan tadi, ketiadaan cabaran tersebut bukanlah bermakna pihak pembelaan diletakkan dengan beban yang lebih tinggi kerana mahkamah masih perlu menimbangkan setiap keterangan pembelaan walau selemah mana sekali pun untuk melihat jika keterangan tersebut telah mendatangkan keraguan ke atas kes pendakwaan. Jika pun hakim bicara tidak percaya terhadap pembelaan yang dikemukakan tetapi hakim bicara masih perlu melihat jika pembelaan tersebut telah menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan bagi faedah keraguan diberi kepada tertuduh.

[34] Mahkamah ini berpuas hati bahawa hakim sesyen telah menimbangkan setiap pembelaan perayu berdasarkan keterangan pembelaan diri dan percakapan D22 sebelum memutuskan pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah (ms 124-126 rekod rayuan). Oleh itu hakim sesyen tidak memecahi tugas yang dikehendaki oleh s. 173(m)(i) Kanun Tatacara Jenayah.

Isu 'Adverse Inference' Hakim Sesyen Terhadap Pembelaan

[35] Perayu dalam pembelaan dirinya mengatakan tidak tahu tentang segolong kertas dan kad yang ada dalam P10 adalah bil-bil elektrik dan kad kredit palsu tetapi percakapan beramaran perayu di D22 tidak memberitahu sedemikian. Perlakuan perayu menyimpan P10 dan kad di dalam poketnya, menunggu di lobi di kawasan kaunter bersama 13 keping bil elektrik dan melarikan diri sebaik Chong Bee Chin ditangkap, tiga kad itu di atas nama pemilik lelaki yang berlainan dari perayu, menjemput inferens yang lebih munasabah yang boleh disimpulkan bahawa kad-kad kredit P11, P12 dan P13 tersebut adalah dimiliki dan disimpan oleh perayu sendiri pada hari kejadian tersebut dan perayu ada pengetahuan bahawa kad-kad tersebut adalah kad palsu. Perayu ada jagaan dan kawalan ke atas P11, P12 dan P13 semasa perayu ditangkap. Milikan tersebut bersifat fisikal. Mahkamah ini meneliti kepada Rekod rayuan dan mendapati pihak pendakwaan telah membuat cabaran ke atas setiap keterangan pembelaan perayu tersebut (ms 99-106 rekod rayuan).

Inferens tersebut secara lebih terperincinya berupaya dan munasabah dibuat kesimpulan berdasarkan kepada kumulatif keterangan-keterangan berikut:

(a) perayu dilihat tiba di bangunan TNB bersama Chong Bee Chin;

(b) Chong Bee Chin terus berurusan membayar bil di kaunter No. 5;

(c) perayu berada di lobi berhampiran kaunter hampir 20 minit;

(d) perayu melarikan diri sebaik Chong Bee Chin ditangkap;

(e) perayu bergelut dengan SP4 sebelum dapat ditangkap;

(f) P10 dan tiga kad kredit palsu dijumpai dari perayu;

(g) P11, P12 dan P13 disahkan mempunyai tarikh sah laku;

(h) P14A-M iaitu 13 bil eletrik yang belum dibayar dijumpai dari perayu;

(i) P14 A-M masing-masing didaftarkan di atas nama pengguna-pengguna dan alamat yang berlainan;

(j) Tidak ada pengataan dalam D22 oleh perayu bahawa perayu tidak tahu tiga kad tersebut adalah kad kredit palsu;

(k) Perayu tidak ada mengatakan dalam D22 bahawa Chong Bee Chin menyerahkan dompet P10 kepadanya;

(l) tiada pembelaan bagi mengatakan P10 dan tiga kad itu milik teman lelaki Chong Bee Chin;

(m) P11, P12 dan P13 adalah di atas nama pemilik-pemilik lelaki yang berlainan;

(n) tiga kad kredit (P4, P8 dan P9) yang dirampas daripada Chong Bee Chin di atas nama Stephanie Chong iaitu pemilik perempuan;

(o) Chong Bee Chin mempunyai dompetnya sendiri yang berlainan daripada P10.

(p) Chong Bee Chin (f) berumur 18 tahun enam bulan (lahir pada 9 Disember 1985) semasa kejadian adalah hampir empat tahun lebih muda daripada perayu (lahir pada 2 Oktober 1982);

(q) D22 memperlihatkan perayu yang berkelulusan diploma adalah lebih berpendidikan daripada Chong Bee Chin;

(r) Tiada pengataan semasa kes di peringkat pendakwaan bahawa Chong Bee Chin yang mengajak perayu ke TNB Jalan Anson bagi membayar bil-bil elektrik.

[36] Di atas keterangan mengikut keadaan yang terdapat, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim sesyen bahawa perlakuan perayu melarikan diri sebaik sahaja Chong Bee Chin ditangkap oleh SP2 adalah konsisten dengan pengetahuan perayu ke atas kad-kad yang ada dalam milikannya. Perlakuan perayu itu adalah fakta relevan di bawah s. 8 ilustrasi (i), Akta Keterangan 1950. Penjelasan perayu bahawa perayu bergelut dengan SP4 kerana menyangkakan SP4 orang jahat yang ingin menangkapnya adalah bertentangan dengan keterangan. Sukar untuk diterima di dalam bangunan yang ada terdapat sistem kawalan seperti Wisma

A TNB ada 'orang jahat' yang ingin menangkap perayu di situ. Perayu tidak menjelaskan apakah kesalahan atau kesilapan yang telah dilakukannya hingga 'orang jahat' mencarinya sampai ke bangunan itu. Perayu sebenarnya melarikan diri untuk keluar dari bangunan TNB apabila Chong Bee Chin ditangkap di kaunter No. B 5 oleh SP2. Tiada sebab untuk perayu panik melarikan diri jika perayu tidak nampak Chong Bee Chin ditangkap atau tanpa mengetahui mengapa Chong Bee Chin ditangkap (*Abdullah Zawawi Yusoff v. Pendakwa Raya* [1993] 4 CLJ 1 dibezakan). Inferens yang lebih kukuh terhadap perlakuan itu ialah perayu tahu bahawa di C dalam milikannya ada tiga kad kredit palsu. Oleh itu mahkamah ini bersetuju bahawa hakim sesyen telah membuat rumusan dan dapatan fakta yang tidak bertentangan dengan keterangan. Perayu oleh itu bukanlah pemilik yang 'innocent' mahu pun 'accidental victim'. Banyak kes-kes pendahuluan yang mengatakan perlakuan D tertuduh lari dari tempat kejadian tidak seharusnya menjadi satu 'adverse' ke atas tertuduh tetapi setiap kes akan dinilai kepada merit dan fakta-fakta yang ada padanya sendiri di dalam mencapai sesuatu kesimpulan terhadapnya.

E **[37]** Dalam kes *Teng Howe Sing lwn. Pendakwa Raya* [2009] 1 LNS 36, YA Dato' Zulkefli Ahmad Makinudin FCJ dalam penghakiman bertarikh 23 Januari 2009 yang memetik semula keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717 mengatakan:

F

> However, this Court in the case of *Parlan bin Dadeh v. PP* [2008] 6 MLJ 19 had discussed the applicability of evidence of conduct to infer knowledge as discussed in *Abdullah Zawawi*'s case and *Brooks*' case and held at page 39 as follows:
>
> G The difference in both cases is that in *Abdullah Zawawi bin Yusoff v. PP* [1993] 3 MLJ 1 there was no evidence to show that the act of the accused in running away was influenced by any fact in issue or relevant fact within the meaning of section 8 in view of the possibility of access to the house by others. It is therefore not admissible on this H ground as it is equivocal thereby justifying an inference in favour of the accused being drawn and ought to have been ruled at an earlier stage of the trial. The case of *Abdullah Zawawi bin Yusoff (supra)* is therefore authority only to this extent. On the other hand in *DPP v. Brooks* [1974] 2 All I ER 480 there was evidence to show that the drugs were in physical custody and control of the accused and his

> conduct of running away thus comes, in Malaysian context, within the meaning of section 8. It is therefore admissible and cannot be explained away why the Court itself by offering an explanation which is consistent with innocence of the accused. The explanation must be offered by the accused himself as required by section 9.

[38] Dalam kes *Hoo Chee Keong v. PP* [2000] 1 CLJ 667, YA KN Segara J (ketika itu) antara lain mengatakan:

> Proof of possession of the three credit cards in three different names by the accused readily leads to the inference that the accused had knowledge that they were forged and had the intention to use them as genuine.

Seterusnya YA hakim mengatakan:

> Now, as a matter of law, knowledge and intention must of necessity be inferred from all the circumstances surrounding the case. When forged credit cards are found in the custody and control of the accused and are in fact recovered from his person, then the explanation offered by the accused for such custody and control is extremely crucial and critical to prove or disprove whether he had knowledge that they were forged and whether he did intend to use them as genuine (at his discretion whenever the occasion and circumstances permitted, perhaps in collusion with others).

Oleh yang demikian mahkamah ini berpendapat hakim sesyen telah membuat jumpaan fakta berdasarkan keterangan ikut keadaan dan bukan merupakan satu 'adverse inference' yang bertentangan dengan keterangan dan kemunasabahan terhadap perayu.

Sama Ada Keterangan Rebuttal Perlu Oleh Pendakwaan

[39] Berbalik semula kepada isu kegagalan memanggil Chong Bee Chin oleh pihak pendakwaan. Dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221, Mahkamah Agung memutuskan:

> It is essential to appreciate the scope of section 114(g) of the Evidence Act, 1950 lest it be carried out too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but a material document by a party in his possession nor for non-production of just any witness but only an important and material witness to the case.

[40] Mahkamah ini telah membincangkan terdahulunya dan berpendapat bahawa Chong Bee Chin bukanlah saksi yang material yang boleh mengudang pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ke atas kes pendakwaan di peringkat kes *prima facie* tersebut. Mengambil panduan daripada kes *Chia Leong Foo (supra)* mahkamah ini perlu melihat sama ada hakim sesyen telah memberikan pertimbangannya kepada pembelaan perayu dan keterangan kes pendakwaan. Dari petikan keputusan hakim bicara ke atas pembelaan perayu yang mahkamah ini telah turunkan di atas, mahkamah mendapati hakim sesyen telah mempertimbangkan keterangan perayu dan kes pendakwaan seperti yang diberi panduan oleh kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 dan *Jaafar Ali v. PP* [1999] 1 CLJ 410. Hakim sesyen juga telah memberi pertimbangan ke atas D22. Hakim sesyen memberikan alasan terhadap dapatannya. Walau pun hakim sesyen tidak secara explicit merujuk kepada s. 114(g) tetapi dengan menolak keterangan pembelaan perayu setelah mempertimbangkan dengan keterangan pendakwaan adalah jelas hakim sesyen tidak mendapati Chong Bee Chin sebagai saksi yang material yang boleh mengundang pemakaian s. 114(g) terhadap kes pendakwaan.

[41] Mahkamah ini juga berpendapat dengan keterangan yang ada, ketiadaan pihak pendakwaan memanggil Chong Bee Chin tidak mencacatkan atau mewujudkan inferens yang tidak memihak kes pendakwaan. Oleh itu keterangan rebuttal tidak diperlukan. Kes pendakwaan terhadap perayu tidak mengalami kecacatan-kecacatan seperti yang berlaku dalam kes *Chia Leong Foo (supra)*. Tidak terdapat 'suppression or withholding of evidence' oleh pendakwaan (*Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221). Peguam yang bijaksana tidak menghujahkan perayu kehilangan peluang untuk memeriksa balas Chong Bee Chin, maka oleh itu mahkamah ini tidak berhasrat membincangkan perkara dari sudut tersebut.

[42] Mahkamah ini juga berpendapat kes pendakwaan tidak mengalami kegagalan seperti yang berlaku dalam kes *Alcontara a/l Ambross Anthony (supra)* dan *Chan Kim Yu (supra)* kerana SP10 (pegawai penyiasat) ada mengatakan percakapan beramaran perayu (D22) tersebut telah disiasat oleh SP10 seperti yang mahkamah ini telah butirkan di atas.

[43] Dalam isu hujahan oleh peguam yang bijaksana bahawa hakim sesyen membuat beberapa spekulasi dalam penghakiman beliau tanpa disokong oleh keterangan, mahkamah ini berpendapat pendekatan yang diambil oleh hakim sesyen tersebut bukan satu salah arahan di sisi undang-undang atau fakta kerana apa yang diulas oleh hakim sesyen itu adalah dapatan analisa beliau ke atas keterangan pendakwaan dan pembelaan perayu dari sudut logik dan inferens terhadapnya.

[44] Dapatan oleh hakim sesyen bahawa pembelaan perayu adalah rekaan tidak boleh juga disifatkan sebagai nyataan 'adverse inference' ke atas perayu kerana hakim sesyen tidak meletakkan beban yang melebihi daripada yang sepatutnya ke atas pembelaan. Hakim sesyen telah menimbangkan pembelaan perayu dan memutuskan pembelaan tersebut gagal menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan.

Dalam kes *Wong Kim Leng (supra)* YA KC Vohra J (ketika itu) memutuskan:

> The learned judge was criticized for failing to give credence to the cautioned statement made by the appellant three days after his arrest (which counsel claimed meant that there was no room for afterthought defences) which was consistent with his defence. The learned judge did refer to the cautioned statement but clearly rejected it when she rejected the defence of the appellant as not having raised any reasonable doubt on the prosecutions case on the two charges. ... In all the circumstances of the case, I had no reason to disturb the learned judge's findings in the case against the appellant on the first two charges.

[45] Seperti yang mahkamah ini nyatakan di atas, hakim sesyen telah menimbangkan D22 dan membuat dapatan (findings) ke atas pembelaan perayu dan memutuskan pembelaan perayu gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Mahkamah ini tidak mempunyai sebab untuk mencampuri atau mengubah dapatan tersebut.

Kesimpulan

[46] Dalam menimbangkan rayuan perayu, mahkamah ini sentiasa mengingati prinsip yang disebutkan dalam kes *Mohd Hazrin Md Sari v. PP* [2008] 5 CLJ 361, di mana YA Gopal Sri Ram JCA di perenggan 16 menekankan prinsip undang-undang berkaitan tugas mahkamah yang mendengar rayuan:

A

> For, the question at the end of the day for a court of criminal appeal is whether the conviction entered is safe. Once it finds a conviction unsafe, this court must intervene.

[47] Berpandukan kepada prinsip yang disebutkan dalam kes *Mohd Hazrin* di atas, mahkamah ini berpendapat sabitan terhadap perayu adalah selamat dibuat. Tiada sebab yang kukuh untuk mahkamah ini mencampuri atau mengubah dapatan dan sabitan oleh yang bijaksana hakim sesyen tersebut.

[48] Dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar (supra)* YA Gopal Sri Ram JCA menekankan prinsip undang-undang berikut:

> It is settled law that it is no part of the function of an appellate court in criminal case-or indeed any case – to make its own findings of fact. That is a function exclusively reserved by the law to the trial court. An appellate court is necessarily fettered because it lacks the audio-visual advantage enjoyed by the trial court.

Di atas alasan-alasan yang diberikan di atas, rayuan perayu dengan ini ditolak dan sabitan serta hukuman dikekalkan.